

## PERTENTANGAN ANTARA DALIL DAN KAEDAH PENYELESAIANNYA PADA ULAMA USUL FIQH

**HAJI ISMAIL BIN OMAR & DR ZAINUDDIN BIN CHE SEMAN**

Jabatan Syariah, Fakulti Syariah & Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

### ABSTRAK

Pertentangan antara dalil sering berlaku apabila penghujahan atau saringan terhadapnya dilakukan. Para ulama Usul Fiqh telah meletakkan kaerah-kaerah tertentu dalam penyelesaian masalah ini. Oleh itu kajian ini cuba menyingkap konsep pertentangan dalil (ta`arudh), tempat berlakunya perkara ini, hukum mencari jalan keluar dan kedah-kaerah yang digunakan oleh ulama Usul Fiqh dalam penyelesaiannya. Kaerah yang digunakan dalam kajian ini ialah Kaerah Perpustakaan dan Kaerah Deduktif. Isu-isu utama berkaitan dengan topik ini dan kesimpulannya turut dinyatakan.

**Kata kunci:** Pertentangan/ khilaf, Penghujahan, Usul Fiqh.

### PENDAHULUAN

Terdapat pertentangan antara dalil-dalil syar`ie dari segi dalalah atau penunjukan kepada maksud sebenar. Ia bukan bererti berlaku pertentangan dalam syariat sebaliknya berpunca dari tingkatan kekuatan penunjukan dalil dan periyatannya. Oleh yang demikian menjadi kewajipan kepada para mujtahid untuk mengetahui status penunjukan dalil (dalalah) dan periyatan dalil itu sendiri secara terperinci bagi membolehkan ia memilih hukum yang tepat dan kuat. Ulama Usul Fiqh telahpun menggariskan kaerah penyelesaian ta`arudh atau pertentangan antara dalil-dalil ini sejak awal penggubalan ilmu Usul Fiqh itu lagi. Kegagalan berbuat demikian mengikut kaerah-kaerah yang diperakui mengakibatkan tergugurnya sebahagian dalil dan hukum yang boleh dipakai, lantaran akan muncullah finatik mazhab yang kadang-kadang mengakibatkan hukum-hukum yang terbit tidak menepati kesahan syariat itu sendiri.

### PERBINCANGAN

#### **Konsep Pertentangan Antara Dalil. (Ta`Arudh)**

Dari segi Bahasa Arab, *ta`arudh* ialah penarikan salah satu dari dua perkara yang diambil dari perkataan *ard* iaitu lebar bukan *tul yakni* panjangnya. Dari segi istilah *ta`arudh* bererti : Penafian antara dua dalil atau lebih secara bertentangan atau berlawanan di antara kedua-duanya. Maka dengan itu terhalanglah dari terhimpun kedua-duanya, seperti salah satu dalil menunjukkan wajib manakala yang satu lagi pula terlazim hukum haram atau seumpamanya. Contohnya terdapat dua ayat di dalam Al Quran, salah satunya menjadikan iddah kematian suami empat bulan sepuluh hari samaada wanita itu hamil atau tidak hamil. Ayat kedua pula menghadkan tempoh berakhir iddah hamil adalah dengan melahirkan kandungan samaada wanita tadi kematian suami atau ditalaq. Maka jadilah dua nas di sini bertentangan antara satu sama lain mengikut pandangan mujtahid.

Jika diperhatikan pertentangan di sini, ia berpunca dari tahap kefahaman mujtahid, bukan kerana berlawanan antara hukum syara`. Malah jika berlaku pertentangan antara hukum syara`

maka ia adalah tanda kelemahan. Sedangkan kelemahan adalah mustahil bagi Allah subhanahu wata`ala. Kata Imam Al Syatibi(Al Muwafaqat,4/118):

`` Syariat semuanya kembali kembali kepada satu qaul dalam masalah furu`nya sekalipun banyak khilaf sebagaimana pada usulnya.''

### **Tempat-Tempat Berlakunya Pertentangan Antara Dua Dalil.**

Berlakunya ta`arudh sebenarnya adalah dari segi rupa bukan pada hakikatnya sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini. Apabila dalil-dalil ada pada tahap yang sama maka barulah ia disaringkan mengikut kaedah *ta`arudh* ini. Oleh itu bolehlah ditimbangtara di antara dalil *qat`ii* dengan dalil *zanni* dan bukan di antara nas dengan *ijma`* atau *qiyyas*, dan bukan di antara *ijma`* dengan *qiyyas* kerana tidak terhasil makna pertentangan padanya disebabkan yang lemah akan langsung ternafi dengan yang lebih kuat.

Sesetengah ulama Usul Fiqh berpendapat kaedah *ta`arudh* tidak digunakan kepada dua dalil yang bertaraf *qat`ii* serentak kerana sama-sama bersifat *qat`ii* membuatkan kedua-dua dalil itu diyakini lagipun tidak boleh ditarjih terhadap perkara yang kedua-duanya jelas. Walaubagaimanapun mengikut pandangan Dr Wahbah Al Zuhaili, boleh digunakan kaedah *ta`arudh* dalam menimbang antara dalil-dalil *qat`ii*.

Perlu diambil perhatian bahawa *ta`arudh* tidak tegambar berlaku di antara dua perbuatan apabila tidak terdapat pengulangan dalil seperti apabila seseorang berpuasa pada hari Sabtu kemudian ia berbuka pada hari Sabtu yang lain kerana kaedah tiada umum pada perbuatan.

### **Hukum Dan Kaedah Dalam Penyelesaian Pertentangan Antara Dalil**

Apabila ternyata belaku *ta`arudh* di antara dalil pada pandangan mujtahid maka wajib ke atasnya mengkaji untuk mencari jalan penyelesaiannya bagi mengelak dari tersebarnya hukum-hukum yang tidak tepat dan mengelirukan.Terdapat beberapa kaedah dalam penyelesaian *ta`arudh* ini mengikut urutannya dalam aliran As Syafi`iyyah atau Al Mutakallimin, iaitu;

- 1) Himpun Dan Selaras Di antara Dua Dalil Yang Bertentangan, secara yang boleh diterima selagi boleh dilakukan walaupun pada sebahagiannya sahaja. Tidak boleh terus dilakukan pentarjihan di antaranya kerana memungsikan dua dalil adalah lebih baik dari mengabaikan salah satunya secara keseluruhan. Adalah dibolehkan beramal dengan dua dalil serentak pada tiga keadaan iaitu:
  - a) Hendaklah hukum bagi dua dalil yang bertentangan menerima pembahagian. Contohnya apabila dua orang penjaga mendakwa rumah yang dijaga adalah milik mereka masing-masing. Sekalipun di sini tidak boleh dihukum kedua-dua mereka memiliki rumah tersebut, namun begitu penyelesaian boleh dilakukan melalui kaedah *qasamah* iaitu pembahagian mengikut bahagian yang boleh didapati dengan cara membahagikan rumah tadi kepada dua bahagian. Masing-masing mendapat satu bahagian. Kedua-dua mereka masih dikira mendapat hak yang didakwa.
  - b) Keadaan bagi setiap satu dari dua dalil berbilang hukumnya. Maka dengan itu setiap satu di antara dalil akan mensabitkan sebahagian hukum. Contohnya sabda Nabi saw.

لا صلاة لجار المسجد إلا في المسجد.(ضعف عند ابن الجوزي وابن حجر)

Maksudnya: Tiada pahla sembahyang bagi orang yang berjiranan dengan masjid kecuali di dalam masjid. Ianya bertentangan dengan pengakuan Nabi saw bagi orang yang sembahyang bukan di masjid walaupun berdekatan dengannya. Kedua-dua dalil ini mengandungi beberapa hukum mengikut kehendak setiap satu darinya. Hadith pertama menafikan sah, sempurna atau pahla sembahyang berkenaan. Demikian juga dengan taqrir Nabi yang mengandungi beberapa hukum iaitu sah, sempurna dan pahla sembahyang. (Riwayat Ahmad dan Ashab As Sunan kecuali Ibnu Majah.)

- c) Setiap satu dari dua dalil adalah umum ertiya melibatkan ramai atau banyak komponennya. Sesuatu itu berkaitan dengan yang lainnya. Demikian yang lain itu berkaitan dengan yang lainnya pula. Contohnya firman Allah:

والذين يتوفون منكم ويذرون أزواجاً يتربصن بأنفسهن أربعة أشهر وعشراً.

Maksudnya: Orang yang mati meninggalkan isteri maka hendaklah isteri-isteri mereka itu beriddah selama empat bulan sepuluh hari. Dan firman Allah;

وأولات الأحتمال أجلهن أن يضعن حملهن.

Wanita yang hamil diceraikan suami, iddah mereka ialah melahirkan anak yang mereka kandungan.

Ayat pertama melazimkan iddah wanita kematian suami selama empat bulan sepuluh hari samaada wanita itu hamil atau tidak. Ayat kedua pula melazimkan umumnya, bahawa iddah wanita hamil berakhir dengan melahirkan kandungan samaada kematian suami atau ditalaq. Maka dihimpunkan di antara dua ayat dengan setiap satunya dibawa kepada sebahagian kandungannya tanpa sebahagian yang lain kerana beramal dengan kedua-dua dalil dari sesetengah wajah.

- 2) Pentarjihan Antara Dua dalil. Kaedah ini digunakan apabila penghimpunan dan penyelarasannya antara dalil tidak dapat dilakukan. Pada masa ini mujtahid mentarjihkan salah satu dalil darinya. Contohnya mentarjihkan *Muhkam* ke atas *Mufassar*, yang diharam ke atas yang diharuskan dan *Khabar Ahad* yang lebih kuat dari yang lainnya. Sebenarnya dalam kaedah tarjih ini terdapat banyak asas yang perlu dipertimbangkan. Ianya melibatkan tarjih antara nas, tarjih dari sudut matan, tarjih dari sudut hukum dan maksud dan tarjih berdasarkan faktor luaran. Sementara itu pentarjihan di antara Qiyas juga berlaku dari sudut asal, furu`, illah dan faktor luaran.
- 3) Nasakh salah satu dalil apabila yang ditunjukkan oleh dalil boleh menerima nasakh seperti apabila diketahui dulu kemudian antara dua dalil maka dijadikan yang datang kemudian menasakhkan yang dahulu datangnya. Contohnya, ayat tentang `iddah perempuan kematian suami selama empat bulan dengan kedatangan ayat yang menyatakan iddah wanita hamil berakhir dengan kelahiran anak yang dikandung.
- 4) Menggugurkan kedua-dua dalil yang bertentangan. Langkah ini diambil apabila kaedah-kaedah sebelum ini tidak boleh digunakan.

Mengikut Kaedah Hanafiyyah susunan jalan keluar dari *ta`arudh* ini ialah bermula dengan nasakh salah satu dari keduanya, tarjih, himpun dan selaras, kemudian baru

pengguguran kedua-dua dalil. Oleh itu adakahnya terdapat perbezaan hukum di antara dua mazhab sebagai kesan dari khilaf dalam urutan jalan keluar ini.

### **Isu-Isu Utama Dalam Masalah Pertentangan Dalil.**

Terdapat pelbagai isu berkaitan dalam penggunaan dalil terutama dalam penyelesaian masaalah apabila terdapat perbezaan pendapat samaada di kalangan orang awam atau di kalangan ahli akademik sendiri. Kadangkala ia menimbulkan ketidakkeruan dalam masyarakat terutama dalam pemilihan hukum yang tepat. Ditambah pula dengan sentimen-sentimen yang mengelirukan. Ini sangat tidak sihat dalam persepsi terhadap keunggulan syariat Islam itu sendiri. Sekurang-kurangnya tiga punca utama dalam isu ini telah dikenalpasti seperti berikut;

**Pertama:** Kejahilan secara menyeluruh terhadap penggunaan falsafah Islam dalam penyelesaian masaalah. Dicampurinya pula di antara kaedah yang betul dengan kaedah yang salah dalam penyelesaian di antara dalil ini. Pada golongan ini apa-apa sahaja yang zahir itulah yang akan digunakan sebagai hujjah untuk menentukan sesuatu perkara atau hukuman. Ini sangat merbahaya dan mampu menenggelamkan kebenaran itu sendiri. Imam Syafie menyatakan: ``Aku lebih takut berdebat dengan orang yang jahil berbanding orang yang alim.'' Malangnya cara inilah yang selalu digunakan oleh orang awam kerana mengikut hawa nafsu masing-masing. Tidak kurang juga di kalangan orang terpelajar yang terikut dengan cara begini.

**Kedua:** Tidak lengkap dalam pengusaan ilmu-ilmu yang menjadi menjadi landasan dalam penerbitan hukum baik ilmu alat atau ilmu utama. Mereka yang menyebarkan hukum mengambil jalan mudah untuk menimbang dalil-dalil yang berlawanan pada zahirnya. Ada juga yang hanya memadai dengan penguasaan di dalam bidang hadith sahaja atau Bahasa Arab untuk memperkatakan tentang hukum. Hal ini amatlah membimbangkan kerana ia dilihat lebih mudah dan secara zahirnya kelihatan lebih kuat.

**Ketiga:** Kurang cermat dalam menyaring dan menimbang sesuatu dalil. Ini berlaku dalam kalangan mereka yang berilmu sendiri, kerana terikut-ikut dengan trend orang awam atau orang yang tidak menguasai bidang Usul Fiqh. Tanpa rasa bertanggungjawab mereka mengeluarkan hukum secara tidak tepat yang akhirnya menimbulkan khilaf-khilaf yang tidak sepatutnya berlaku di dalam kalangan masyarakat dan merumitkan penyelesaian masalah yang dihadapi. Keadaan bertambah rumit apabila sentimen-sentimen lain mendominasikan pentarjihan antara dalil.

### **KESIMPULAN**

Jika diteliti kaedah *ta`arudh* sememangnya ia amat penting diketahui dan dikuasai oleh ahli-ahli akademik dan tidak terkecuali pada sesiapa yang terdedah kepada penyelesaian perbezaan di antara dalil dan pendapat. Pada hari ini hanya segelintir sahaja dalam kalangan ahli akademik yang cakna, cermat dan betul-betul menguasai kaedah dan teknikal dalam metod ini. Tidak dinafikan pada suatu ketika dahulu ada benarnya dikatakan pintu ijtihad tertutup demi menjaga kepigitan ijtihad itu sendiri. Walaubagaimanapun pada masa kini pelbagai masalah baru muncul semula dan ia sangat *complicated*, yang memerlukan ulama dan ahli akademik betul-betul menguasai ilmu dan asas untuk brijtihad. Ia tidak cukup hanya dengan secara rambang atau tempelan sahaja. Latihan dan Pendidikan kearahnya harus diperkasakan. Begitu juga dengan pihak yang mengawal dan berkuasa di atas hukum-hukumnya serta fatwa yang dikeluarkan. Ia hendaklah diperkasakan. Begitu juga dengan sistem dan teknik penyebarannya

juga hendaklah dikemaskinikan, memandangkan dominasinya medium penyebaran maklumat dalam dunia tanpa sempadan kini.

## **RUJUKAN**

- Ali Takiyuddin Al Haidari (1371): *Usul Al Istinbat* , Al Rabitah, Baghdad.  
Abdul Wahab Khallaf (1956): *Usul Fiqh*, t.t.  
Al Ghazali (1356): *Al Mustasfa*, Matbaah Mustafa Muhammad.  
Ibnu Abdul Shukur: *Musallam At Thubut*, Matbaah Al Husainiyyah Al Misriyyah.  
Ibnu Amir Al Haj: *Taqrir Al Tahbir*, Al Amiriah, Boolaq.  
Al Isnavi: *Nihayah As Sul Syarh Al Isnavi*: Matbaah Subaih.  
Al Lakanwi Al Ansari: *Fawatih Ar Rahmut*, Al Amiriah , Boolaq.  
Muhammad Al Khudhari: *Usul Fiqh*, Qaherah, Matbaah Al Istiqamah.  
As Syatibi: *Al Muwafaqat*, Maktabah At Tajdid.  
Al Syaukani(1349): *Irsyad Al Fuhul*: Matbaah Subaih.  
At Taftazani(1377): *Al Talwih Ala Al Taudhih*, Matba`ah Subaih.  
Wahbah Az Zuhaili(1986): *Usul Fiqh Al Islami*, Dimasyq , Darul Fikr.  
Zakiyuddin Sya`ban: *Usul Fiqh Al Islami*, Dar At Ta`lif.